

Ibu bapa hanya **bayar RM9.90**

Program Berkhatan Perdana berjaya kumpul 200 peserta, bantu ringan beban ibu bapa

SEPANG - Kira-kira 200 peserta berjaya dikumpulkan sempena Program Berkhatan Perdana Parlimen Sepang anjuran Pemuda Umno Bahagian Sepang di Institut Kemahiran Belia Tinggi/Negara (IKTBN), Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang semalam.

Ketuanya, Noorazli Said berkata, program yang julung kali diadakan itu merupakan tanggungjawab sosial korporat (CSR) pihak itu dalam membantu masyarakat melaksanakan tuntutan agama selain meringankan perbelanjaan ibu bapa di mana mereka hanya perlu membayar RM9.90.

Menurutnya, beliau tidak sangka program berkenaan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada ibu bapa.

"Kelainan kali ini ahli jawatankuasa kita juga turut

serta pakai kain pelikat bagi mengembalikan nostalgia masa kecil.

"Kita sengaja sediakan kolam mandi PVC untuk anak-anak berendam sebelum dikhatankan selain semburan air daripada tangki bomba dilakukan oleh beberapa tetamu khas yang hadir," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui pada program itu, semalam.

Hadir sama Ketua Umno Bahagian Sepang, Datuk Marsum Paing, Adun Dengkil, Shahrum Mohd Sharif dan bekas Adun Tanjung Sepat, Datuk Dr Karim Mansur.

Sementara itu, seorang ibu, Rozilawati Ramli, 41, berkata, anaknya yang berusia tujuh tahun menyangka hendak berkhatan sejak tahun lalu, namun selepas berdepan

INFO • Kolam mandi PVC disediakan kepada peserta untuk berendam sebelum dikhatankan

dengan kecederaan di bahagian tangannya, hasrat itu terpaksa ditunda.

"Bila dapat tahu ada program berkhatan beramai-ramai macam ni...terus akak masukkan nama dia.

"Bagi akak memang eloklah, sebab dah jadi kebiasaan ibu bapa pilih program berkhatan beramai-ramai...budak-budak ni kalau tengok ada kawan baru mereka seronok," katanya.

Bagi Mohamad Salehan Dunawan, 35, dari Sungai Pelek, anak sulungnya berusia lapan tahun memang



Kesemua kanak-kanak seronok berendam di kolam yang disediakan sebelum dikhatankan di IKTBN Sepang semalam.

bersemangat hendak berkhatan apabila dapat tahu program menyediakan kolam.

"Kita yang tua ni pun

seronok tengok budak-budak ni mandi kolam. Teringat pula zaman kita kecil-kecil dulu.

"Apa pun saya puji dan sambut baik usaha yang

dilakukan pihak penganjur dalam memeriahkan lagi musim cuti sekolah selain bantu ringankan beban ibu bapa," katanya.

Peluang tabur bakti kepada masyarakat

SIJANGKANG - Seramai 100 penuntut Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Kuala Langat di sini terlibat dengan Program Touch Point Bersama Komuniti di Pangkalan Nelayan Seri Tanjung Sijangkang kelmarin.

Ketua Pengarah Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia Kementerian Belia dan Sukan, Dr Wasitah Mohd Yusof berkata, program itu turut melibatkan 1,500 penuntut IKBN di seluruh negara.

Menurutnya, program itu diadakan bagi memberi ruang dan peluang kepada penuntut menabur bakti kepada masyarakat.

"Berkhidmat kepada komuniti memang banyak manfaatnya...kalau melibatkan penuntut IKBN ini, saya lihat mereka boleh guna kemahiran mereka dalam bidang seperti elektrik, hiasan dalaman dan lain-lain untuk membantu masyarakat.

"Sekaligus pupuk sikap keprihatinan terhadap masyarakat yang memerlukan," katanya kepada pemberita selepas Majlis Penutup Program Touch Point Bersama Warga Parlimen Kuala Langat di Pangkalan Nelayan Seri Tanjung kelmarin.

Hadir sama Pengerusi Pembangunan Persekutuan Parlimen Kuala Langat, Datuk Sulaiman Mohd Karli dan Ketua Pemuda Umno Bahagian Kuala Langat, Jefrizal Mohd Jaafar.

Sementara itu Sulaiman berkata, pihaknya terharu kerana penuntut bekerjasama memulihkan kerosakan surau dan rumah kebajikan di Parlimen Kuala Langat.

"Program sebegini amat baik untuk membentuk generasi madani yang mempunyai sikap prihatin terhadap orang yang dilanda kesusahan akibat tekanan kos hidup semasa," katanya.



Wasitah (tiga, kiri) menyaksikan Sulaiman (empat, kiri) menyerahkan sijil kepada seorang penerima bantuan pada Program Sentuhan Kasih Institut Kemahiran Belia Negara Kuala Langat, kelmarin.

MASUK PERCUMA

MY FAMILY #saving families

#QuranHour

RICH

RAHSIA INSAN CEMERLANG HIDUP

"9 RAHSIA LUQMAN"

DIDIK ANAK SUPAYA BERPERAWAKAN BAIK
3 DISEMBER 2017, 4.30 PAGI - 8.00 PAGI

TEMPAT: MASJID PUTRA, PERSIARAN PERSEKUTUAN, PRESINT 1, PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

PENGSIAN:
 4.30 PAGI: KETIBAAN DAN SOLAT SUNAT
 CATATAN DAN REVISI DIARI KELUARGA, HAFAZAN LUQMAN
 4.50 PAGI: CONDITIONING DAN TALAQI AYAT 9 RAHSIA LUQMAN
 PESAN 8: ANAKKU, PELIHARALAH PERILAKU MU
 5.20 PAGI: QIYAMULLAIL DAN SOLAT SUBUH BERJEMAAH (bacaan dalam solat mengikut tema)
 6.15 PAGI: BERINTERAKSI DENGAN AL-QURAN "9 RAHSIA LUQMAN"
 PESAN 8: ANAKKU, PELIHARALAH PERILAKU MU
 7.30 PAGI: SARAPAN PAGI
 8.00 PAGI: BERSURAI

Daftar online: bit.ly/RICH1439H

Dengan kerjasama

* Terbuka untuk semua. Tempat adalah terhad. Sila bawa Al-Quran, terjemahan dan potluck (jika ada).
 * Daftar sebarang. * Sms/WhatsApp nama dan ahli keluarga dan nyatakan jumlah kehadiran kepada 019-345 4377, 011-26330209, 017-4846142, 013-8824335, 019-4500743